

# **PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN ISLAM: IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBANGUNAN UMMAH SEJAGAT**

Oleh:

Nor Aini binti Ali

Nor 'Azzah binti Kamri

Suhaili bin Sarif

## **Abstract**

*Entrepreneurship is a vital foundation to economic development of a country. This is parallel to Islamic religion which encourages Muslim to get involved in entrepreneurship. This article attempts to review the concept of Islamic entrepreneurship and its implications in nation development. The article concludes that education is the most effective mechanism in cultivating the culture of Islamic entrepreneurship among Muslims.*

## **PENDAHULUAN**

Keusahawanan amat penting sebagai faktor asas perkembangan ekonomi sesebuah negara. Keusahawanan Islam bukanlah satu cabang dalam pengajian keusahawanan. Ia masih berintipatikan konsep keusahawanan itu sendiri dan hanya berbeza dari segi penampilan, pendekatan dan penekanan. Sehubungan itu, artikel ini cuba mengupas perihal keusahawanan Islam secara lebih mendalam dan melihat sejauhmana implikasinya terhadap pembangunan ummah sejagat. Namun, persoalan yang sering timbul adalah tentang bagaimana untuk membudayakan keusahawanan Islam di kalangan umat Islam itu sendiri?

Pendekatan keilmuan dan pendidikan didapati merupakan mekanisme yang paling berkesan, di samping peranan yang dimainkan oleh agensi kerajaan, ibu bapa dan media massa bagi menggalakkan penglibatan usahawan-usahawan baru menceburi bidang keusahawanan secara lebih aktif dan produktif. Ini kerana keusahawanan memberi implikasi positif terhadap pembangunan ummah. Selain dapat mewujudkan *job creator*, keusahawanan Islam turut membantu memperkem-

bangkan dakwah dan kebudayaan Islam serta mewujudkan agihan pendapatan yang lebih saksama melalui pengembalian sejumlah pendapatan dalam bentuk zakat. Dengan demikian, kebijakan sosial akan terpelihara dan kemakmuran dapat dikecapi bersama.

## SEJARAH KEUSAHAWANAN ISLAM

Bidang perniagaan dan keusahawanan merupakan bidang pekerjaan yang terbaik dan sumber rezeki terbesar sehingga 90% dari sumber rezeki terdapat dalam bidang ini.<sup>1</sup> Rasulullah s.'a.w pernah bersabda yang bermaksud:

*Daripada ‘Ā’isyah katanya Rasulullah s.’a.w telah bersabda: “Sesungguhnya tiadalah usaha seseorang itu yang lebih baik selain dari kerja tangannya sendiri ...”<sup>2</sup>*

Sejarah keusahawanan Islam telah bermula sejak kejadian awal manusia lagi di mana dua orang anak Nabi Adam telah mempelopori dua bidang utama keusahawanan iaitu Habil mempelopori bidang pertanian, manakala Qabil mempelopori bidang ternakan. Sejarah Islam juga telah membuktikan bahawa kebanyakan rasul menceburti bidang keusahawanan. Sebagai contoh, Nabi Adam merupakan seorang petani, Nabi Nuh ahli perniagaan, Nabi Daud tukang besi, Nabi Zakaria tukang kayu, Nabi Idris tukang jahit, Nabi Sulaiman pembuat bakul, Nabi Isa tukang tenun dan pencelup kain serta Rasulullah sendiri merupakan penternak dan ahli perniagaan yang berjaya bukan sahaja di negaranya sendiri, tetapi juga di peringkat antarabangsa.<sup>3</sup> Ini membuktikan sumbangan besar bidang keusahawanan terhadap pembangunan negara secara keseluruhannya.

Keusahawanan merupakan konsep yang amat kompleks, bergantung pada di mana dan bila ia disebut. Secara ringkasnya, istilah ini lahir dari perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan.<sup>4</sup> Pada kurun ke-15, usahawan didefinisikan sebagai

<sup>1</sup> Mustafa Haji Daud (1995), *Perniagaan Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 8.

<sup>2</sup> Ibn Mājah (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Hath ‘alā al-Makāsib, no. hadith 2138. Lihat juga al-Bukhārī (t.t.), *Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Bay‘ (34), Bāb Kasb al-Rajul wa ‘Amalih bi-Yadih (15).

<sup>3</sup> Labid al-Sa‘id (1987), *Pekerjaan dan Kaum Buruh* (terj.). Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., h. 8.

<sup>4</sup> Noresah bt. Baharom (ed.) (2002), *Kamus Dewan*, edisi 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1530.

seseorang yang mengurus projek pengeluaran yang besar dengan menggunakan sumber-sumber yang ada tanpa mengambil apa-apa risiko. Pada kurun ke-17 pula, definisi usahawan diperluaskan kepada seseorang yang menceburi bidang kontrak dengan kerajaan sama ada untuk menyediakan perkhidmatan atau produk tertentu. Manakala pada kurun ke-20, usahawan dianggap sebagai *inovator*.<sup>5</sup> Ini kerana menurut Joseph Schumpeter, fungsi usahawan adalah untuk membentuk dan mengeksploitasi semula paten pengeluaran atau menggunakan teknologi baru untuk mengeluarkan komoditi baru, mengeluarkan keluaran lama dengan wajah baru ataupun mencari sumber-sumber bekalan bahan mentah (*outlet*) baru produk dengan mengorganisasikan semula industri baru.<sup>6</sup>

Oleh itu, keusahawanan dapat disimpulkan sebagai satu proses mencipta sesuatu yang berbeza daripada nilai yang sedia ada dengan menggunakan masa, kemampuan, sumber kewangan, psikologi dan risiko sosial serta berakhir dengan ganjaran kewangan dan kepuasan diri.<sup>7</sup> Di Malaysia, perkataan usahawan hanya mula menjadi sebutan ramai pada tahun 1970 iaitu setelah penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.<sup>8</sup> Namun, peraturan, sifat dan aktiviti keusahawanan yang dijalankan agak berbeza daripada zaman awal ia diperkenalkan. Para usahawan pada zaman awal lebih menjurus kepada mengejar gaya serta penciptaan kekayaan, bukannya pembangunan perindustrian.

Perjalanan Malaysia dalam abad ke-21 menyaksikan peranan usahawan yang lebih menonjol sebagai penggerak utama pembangunan negara. Ini disebabkan oleh kecanggihan teknologi, persaingan yang sengit serta masalah tuntutan kerja yang kompleks. Berdasarkan laporan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, sebanyak 24,728 siswazah menganggur telah berdaftar dengan tujuh skim latihan yang diperkenalkan oleh kerajaan seperti Skim Sangkutan dan Latihan (SSL), kursus Teknologi Maklumat (IT) dan Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut, 94% adalah graduan daripada kalangan Bumiputera yang terdiri daripada bidang pengajian Sastera (31.1%), Ekonomi (11.3%), Perakaunan (9.2%), Pentadbiran Perniagaan (8.8%), Pengajian Islam (8.6%), Sains (7.8%), Kejuruteraan (5.5%) dan bidang-bidang lain

<sup>5</sup> Robert D. Hisrich *et.al* (1986), *The Woman Entrepreneur: Starting, Financing and Managing A Successful New Business*, Canada: Lexington Books, h. 2-3.

<sup>6</sup> Joseph Schumpeter (1952), *Can Capitalism Survive?*, New York: Harper and Row, h. 72.

<sup>7</sup> Robert D. Hisrich (1986), *op.cit.*, h. 4.

<sup>8</sup> Abdul Aziz Yusof (2000), *Usahawan dan Keusahawanan: Satu Penilaian*, Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd., h. 15.

(11.7%).<sup>9</sup> Ini menunjukkan bahawa masalah pengangguran yang agak serius di kalangan siswazah Bumiputera, lantaran penawaran tenaga kerja yang tidak seimbang dengan permintaan yang ada di negara ini.

Di samping itu, guna tenaga dan sumber manusia terpaksa mengikut arus perubahan teknologi dalam menghadapi era globalisasi.<sup>10</sup> Globalisasi yang semakin meluas akan mewujudkan pasaran yang berkembang pesat dan persaingan yang sangat sengit. Justeru, golongan yang lambat berubah atau enggan mengikut perubahan, secara beransur-ansur akan dipinggirkan dan akhirnya menjadi penganggur dalam dunia yang berkembang pesat ini. Bagi menghadapi era perubahan tersebut, pembudayaan keusahawanan haruslah ditanam pada jiwa setiap ahli masyarakat sejak dari kecil lagi.

## KEPENTINGAN PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN

Pembudayaan keusahawanan memainkan peranan yang besar kepada pembangunan individu, organisasi dan masyarakat keseluruhannya. Menurut *Kamus Dewan*, budaya membawa maksud tamadun, peradaban, kemajuan dan akal budi.<sup>11</sup> Budaya juga merujuk kepada kumpulan sikap atau ciri-ciri yang dipunyai oleh sesuatu kumpulan manusia.<sup>12</sup> Ia boleh dizahirkan melalui simbol dan bentuk tertentu secara nyata atau tidak bagi menggambarkan pencapaian atau kedudukan mereka.<sup>13</sup>

Sehubungan itu, pembudayaan keusahawanan dilihat sebagai suatu proses membangunkan sikap dan personaliti usahawan agar sentiasa cintakan kejayaan dan kecemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan. Proses pembudayaan ini

<sup>9</sup> Mohd Fuad Razali (2002) "Jawatankuasa Tangani Pengangguran Siswazah Diwujud", dalam *Berita Harian*, 7 Mei 2002, h. 1.

<sup>10</sup> Globalisasi ialah satu proses membuka keadaan yang pada umumnya dapat difahami sebagai proses di mana sempadan negara-negara semakin runtuh dan seluruh dunia semakin berubah menjadi satu unit akibat teknologi yang berkembang pesat. Lihat Ismail Awang (1999), "Peranan Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi", dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et.al* (ed.), *Globalisasi: Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 143.

<sup>11</sup> Noresah bt. Baharom (ed.) (2002), *op.cit*, h. 180.

<sup>12</sup> *The Encyclopaedia Americana - International Edition* (1991), vol. 8, USA: Grolier Incorporated, h. 315.

<sup>13</sup> David L. Sills (ed.) (1972), *International Encyclopaedia of the Social Sciences*, vol. 3. New York: The McMillan Company & The Free Press, h. 528.

membolehkan usahawan bertindak selaras dengan tuntutan moral, etika dan akhlak agar kesan daripada aktiviti yang dilakukan akan mendatangkan kesejahteraan kepada diri sendiri mahupun masyarakat pada masa kini dan akan datang. Ini kerana budaya keusahawanan tidak terhad kepada aktiviti perniagaan sahaja, tetapi meliputi segala sifat dan ciri-ciri murni seorang usahawan.

Dalam menjalani kehidupan sehari-hari, individu sentiasa bekerja untuk mencari rezeki bagi keselesaan diri dan keluarganya. Jadi, bidang keusahawanan memberi peluang untuk mendapatkan rezeki. Lagipun, kejayaan usahawan banyak bergantung kepada kemampuannya untuk melihat dan merebut peluang-peluang yang wujud hasil daripada terdapatnya permintaan yang tidak dapat dipenuhi oleh usahawan lain, kewujudan teknologi baru, peluang-peluang baru yang wujud dalam persekitaran, sumber-sumber alam yang belum diterokai dan teknik-teknik baru di dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Kemampuan dan usaha gigih para usahawan membolehkan mereka mendapat pulangan yang membanggakan, membina kehidupan yang selesa dan harmoni serta memperolehi status yang baik di kalangan ahli masyarakat hasil daripada sumbangan yang diberikan.

Setiap manusia dianugerahi keinginan yang pelbagai dengan kemampuan tenaga dan masa yang terbatas. Justeru, tiada manusia yang dapat menyempurnakan segala keperluannya secara bersendirian tanpa pertolongan dan kerjasama orang lain. Menyedari hakikat kelemahan dan kekurangan diri manusia inilah, perniagaan dilihat sebagai salah satu cara untuk menyempurnakan segala bentuk keperluan sesama manusia. Selain dapat memberi sumbangan kepada masyarakat untuk tujuan kehidupan yang lebih selesa, usahawan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada anggota masyarakat di sekitarnya. Oleh kerana usahawan tidak mampu untuk mengendalikan urusan hariannya sendiri, sudah tentu mereka memerlukan bantuan pihak lain untuk membantunya dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

Di samping itu, usahawan juga merupakan penyumbang utama kepada pembaharuan. Usahawan didapati mampu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat melalui penemuan-penemuan baru dalam bidang keusahawanan. Daya kreativiti, inovatif dan sifat keprihatinan yang dimiliki oleh para usahawan membolehkan penggunaan sumber di tahap maksimum ke arah penghasilan produk-produk bermutu tinggi untuk kegunaan umum. Setiap inovasi baru yang diperkenalkan ini akan dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada peningkatan kebijakan dan kehidupan masyarakat keseluruhannya.

Sebagai timbal balik, sesebuah organisasi perniagaan berpotensi untuk berkembang sejajar dengan kemajuan masyarakat sekitarnya yang secara tidak

langsung berperanan dalam mendidik manusia supaya hidup bersatu-padu, kasih-mengasihi, bertolak-ansur dan tolong-menolong sesama sendiri. Meskipun banyak pihak menyedari betapa pentingnya perniagaan dan keusahawanan dalam kehidupan, namun hakikatnya, penyertaan kaum Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian masih kecil. Sebagai contoh, kompleks perniagaan Bumiputera di Lembah Kelang jauh lebih rendah berbanding dengan kaum bukan Bumiputera iaitu 5.1%.<sup>14</sup> Peniaga Bumiputera juga hanya terlibat dalam perniagaan tertentu sahaja yang tidak memerlukan modal dan kepakaran yang tinggi. Sedangkan keperluan amat tinggi di dalam sektor hartanah, pembuatan, telekomunikasi dan seumpamanya. Oleh sebab itu, pembudayaan keusahawanan turut perlu diwujudkan dalam sektor-sektor strategik seperti teknologi maklumat dan telekomunikasi, kejuruteraan, automatik, kewangan dan pengangkutan.

## PENDEKATAN PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN ISLAM

Pada dasarnya, pembudayaan keusahawanan merupakan suatu langkah yang berterusan. Ini bersesuaian dengan objektif utamanya iaitu memupuk nilai-nilai murni dalam diri individu bagi melahirkan usahawan yang sebenar. Sebagaimana ekonomi konvensional yang memberi penekanan kepada keusahawanan sehingga menganggapnya sebagai faktor asas (*key factor*) dalam proses pembangunan ekonomi, ekonomi Islam juga amat menitikberatkan keusahawanan. Islam memberikan insentif yang besar kepada sebarang aktiviti ekonomi dan keusahawanan yang tidak menyalahi sebarang prinsip Islam atau melanggar sebarang nas larangan. Ini jelas melalui firman Allah yang bermaksud:

*“Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba ...”* (Surah al-Baqarah, 2: 275).

Pada hakikatnya, sesiapa sahaja boleh menjadi usahawan sekiranya mereka dipupuk dengan sikap usahawan yang benar-benar menepati ciri-ciri yang dikehendaki oleh Islam. Banyak pihak beranggapan bahawa seseorang itu dilahirkan sebagai usahawan. Sebagai contoh, bangsa Yahudi, Arab dan Cina yang terkenal sebagai usahawan sejak zaman-berzaman lagi. Walaupun begitu, terbukti bahawa banyak bangsa lain juga menjadi usahawan yang terbilang. Menyedari hakikat ini, beberapa pihak perlu memainkan peranan penting dan berganding bahu bagi

<sup>14</sup> Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (2002), “Kemajuan Masyarakat Islam Dalam Bidang Ekonomi di Malaysia”, dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 261.

memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat termasuklah institusi-institusi pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan, media massa dan ibu bapa.

- *Peranan Institusi Pendidikan*

Pendekatan keilmuan dan pendidikan merupakan mekanisme yang paling berkesan bagi menerapkan budaya keusahawanan Islam. Beberapa program pemupukan budaya keusahawanan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi boleh dilaksanakan, merangkumi program pembangunan minda, program pemupukan sikap dan sifat positif usahawan serta program pewujudan individu berdaulat atau dikenali sebagai *sovereign individual*.

Program pembangunan minda merupakan program penerapan pemikiran kreatif dan reka cipta. Program ini perlu diperkenalkan di sekolah dan diteruskan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pengkaji ilmu keusahawanan mendapat bahawa asas pemikiran kreatif telah menyumbang kepada pewujudan idea baru yang menjadi tunjang kejayaan usahawan. Penerapan pemikiran kreatif ini boleh dilaksanakan di dalam kurikulum Kemahiran Hidup, Ekonomi Rumahtangga, Senilukis dan Sains yang ditawarkan di peringkat sekolah. Selain mempelajari teori asas subjek tersebut, pelajar juga perlu ditekankan dengan penciptaan satu produk baru ataupun produk lama yang diberi nafas baru. Dengan ini, pelajar akan dapat menggunakan kreativiti, kemahiran dan kebolehan yang dimiliki bagi menonjolkan bakat mereka. Penggunaan pendekatan kurikulum yang kreatif dan inovatif pula akan menjuruskan minat dan pemikiran pelajar ke arah merebut peluang dan mencari sumber pendapatan sendiri melalui gabungan idea, ilmu dan kebolehan mereka tanpa bergantung kepada penawaran pekerjaan dari sektor awam dan swasta. Di samping itu, para pelajar perlu diberi pendedahan awal mengenai asas perniagaan melalui penawaran sekurang-kurangnya mata pelajaran yang meliputi Ekonomi, Prinsip Akaun dan Perdagangan di peringkat sekolah menengah.

Program pemupukan sikap dan sifat positif usahawan juga perlu dilaksanakan seiring dengan program pembangunan minda. Ini kerana ramai usahawan dan peniaga hari ini gagal dalam perniagaan mereka disebabkan oleh sikap mereka sendiri. Justeru, para pelajar perlu dipupuk untuk menjadi lebih proaktif, berdikari dan tidak terlalu bergantung pada orang lain. Di sini, pembelajaran subjek Pendidikan Islam amat penting dalam memupuk nilai-nilai murni seorang usahawan. Oleh itu, kurikulum Pendidikan Islam yang menjurus kepada muamalat dan perniagaan perlu diberi penekanan yang sewajarnya. Sikap, sifat dan ciri-ciri para nabi dan sahabat sebagai ahli perniagaan dan usahawan Islam yang berjaya perlu lebih

ditonjolkan dan dijadikan model dalam diri setiap pelajar. Asas tauhid pula perlu dijadikan teras di dalam hidup. Kefahaman dan kesedaran bahawa mereka adalah khalifah dan pemegang amanah di muka bumi ini akan menjadi pemangkin kepada kesungguhan bekerja dan usaha mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Program pewujudan golongan *sovereign individual* boleh dilaksanakan melalui pendidikan yang berkesan dan inovatif serta penawaran kurikulum ‘keusahawanan’ di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.<sup>15</sup> Program pendidikan yang cekap dan berkesan boleh dilaksanakan dengan memperkenalkan kurikulum teknologi maklumat di kalangan pelajar. Kurikulum ini tidak terhad kepada pembelajaran komputer dan kaedah melayari internet, tetapi juga meliputi program aplikasi teknologi maklumat di dalam kehidupan, kerjaya dan perniagaan. Sehubungan dengan itu, kewujudan kolej komuniti di setiap daerah dan negeri perlu dijadikan wadah penting untuk menyalurkan program pendidikan kepada semua golongan masyarakat. Kurikulum kolej ini perlu bermula dengan cara menggunakan komputer, cara berinteraksi melalui internet, cara membangunkan laman web sendiri dan kemudian diikuti dengan aspek pengurusan perniagaan dan pemasaran melalui internet.<sup>16</sup>

Memandangkan pendidikan di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang ada sekarang adalah terlalu ideal, lepasan daripada institusi berkenaan dilihat sangat mentah di dalam berfikir dan tindak-tanduk mereka. Walaupun mereka dianggap berilmu, mereka tidak berupaya mengamalkan ilmu yang telah mereka pelajari apabila memasuki alam pekerjaan. Mereka terpaksa mencari ilmu baru dari pengalaman rakan sekerja atau ketua mereka. Bagi menangani kelemahan ini, perlu diwujudkan satu disiplin yang dapat mengembang kesemua ilmu yang telah dipelajari dengan situasi pekerjaan atau perniagaan yang sebenar. Justeru, kursus-kursus berhubung keusahawanan dan pengurusan perniagaan meliputi teori dan amali sewajarnya diperkenalkan dengan lebih serius sebagai salah satu keperluan kursus universiti, kursus asas/teras mahupun sebagai kursus elektif. Program pengajian minor juga boleh dilaksanakan secara menyeluruh di semua institusi pengajian tinggi terutama penggabungan antara disiplin Pengajian Islam dengan kurikulum berintipatikan keusahawanan. Ini penting bagi melahirkan usahawan yang benar-benar menjawai sikap dan peribadi positif seorang usahawan dan menepati kehendak agama.

<sup>15</sup> Barjoyai Bardai (2002), “Ciri-ciri Keusahawanan Yang Dinamik Di Dalam Islam,” dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 185.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 186.

Dengan demikian, institusi pengajian tinggi akan menjadi medan pembudayaan keusahawanan yang penting. Bakal graduannya akan dididik supaya menjadi usahawan sebenar lantaran sektor tenaga kerja yang sangat terhad pada masa ini. Pewujudan program-program pembangunan usahawan sebagai sebahagian daripada kurikulum pengajian selain dari kaedah multi-disiplinari di dalam pengajian<sup>17</sup> dilihat mampu menangani masalah lambakan tenaga kerja di pasaran. Untuk itu, pihak universiti perlu bekerjasama dengan badan-badan yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pembangunan keusahawanan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan institusi-institusi kewangan, agar sekurang-kurangnya hasrat melahirkan individu berjiwa usahawan menjadi kenyataan.

- *Peranan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn)*

Memandangkan budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Malaysia khususnya Bumiputera masih lagi di peringkat rendah, maka KPUn telah ditubuhkan pada 8 Mei 1996 untuk menarik minat semua lapisan masyarakat Bumiputera khususnya untuk menceburi bidang perniagaan melalui program-program yang diadakan. Proses pembudayaan dan pembangunan usahawan ini merangkumi golongan pelajar di peringkat sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan juga masyarakat umum.<sup>18</sup>

Bagi menerapkan budaya keusahawanan di peringkat sekolah menengah, KPUn telah melaksanakan Program Usahawan Muda (PUM) sejak tahun 1989 lagi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Program ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah untuk mempelajari perniagaan secara praktikal. Bagi menarik minat para pelajar dan mewujudkan suasana perniagaan, ruang perniagaan disediakan di sekolah bagi membolehkan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan.<sup>19</sup> Dalam masa 9 bulan, mereka berpeluang untuk menuju, mengurus dan membubarkan syarikat di bawah bimbingan guru-guru pengelola dan penasihat terlatih serta di bawah penyelarasan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) terbabit. Secara keseluruhannya, program ini didapati berjaya menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah supaya lebih berani mengambil risiko, berdisiplin, proaktif, yakin pada diri sendiri, inovatif dan kreatif serta boleh bekerja dalam kumpulan. Jika dilihat daripada prestasi PUM pada tahun 2001, sebanyak 326 sekolah di seluruh negara telah menyertai PUM berbanding 299 pada tahun

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 175.

<sup>18</sup> Kementerian Pembangunan Usahawan (2000), *Laporan Tahunan 2000*, h. 17.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 18.

sebelumnya. Pada tahun yang sama, sebanyak 396 buah syarikat telah ditubuhkan dengan penglibatan pelajar sejumlah 9,232 orang.<sup>20</sup>

Di peringkat universiti pula, KPUn telah memperkenalkan Program Pembangunan Usaha Siswa (PPUS) bagi menyemai budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa di 11 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan di mana mereka diberi latihan, kemudahan pembiayaan dan ruang niaga untuk menjalankan perniagaan di kampus, di samping khidmat nasihat dan bimbingan oleh pensyarah-pensyarah yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan. PPUS juga telah melaksanakan satu aktiviti yang dinamakan *Student In Free Enterprise* (SIFE) di 11 buah IPTA dan 3 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Program SIFE yang telah dimulakan pada bulan November 2000 membolehkan mahasiswa mengadakan aktiviti usaha niaga dan seterusnya berpeluang menyertai pertandingan pengurusan perniagaan di peringkat antarabangsa. Selain dapat memupuk bakat kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, daya kreativiti, budaya kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan, program ini juga memberi peluang kepada mahasiswa mewujudkan jaringan perniagaan dengan pelajar-pelajar dari seluruh dunia.<sup>21</sup>

Bagi memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat pula, KPUn telah memperkenalkan Latihan Asas Perniagaan (LAP) pada tahun 1997. Latihan ini bertujuan untuk menerap budaya keusahawanan dan memberi pendedahan awal tentang konsep keusahawanan serta kaedah untuk memulakan perniagaan kepada kakitangan kerajaan<sup>22</sup> dan masyarakat umum. Selain itu, KPUn juga memberi perhatian kepada golongan kurang upaya. Sebagai contoh pada tahun 2000, satu sesi latihan dengan Pusat Latihan Gurney, Kuala Lumpur telah diadakan dengan penyertaan seramai 15 orang peserta cacat penglihatan. Pada tahun 2001 pula, KPUn telah bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memperluaskan lagi latihan keusahawanan kepada golongan ini agar bidang keusahawanan dijadikan sebagai kerjaya utama mereka.<sup>23</sup> Di samping itu, Pusat Bimbingan Usahawan Negara

<sup>20</sup> Kementerian Pembangunan Usahawan, *Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Nasional ke-6* pada 2-5 Mei 2002. Selangor: Univ. Kebangsaan Malaysia, h. 9.

<sup>21</sup> Kementerian Pembangunan Usahawan (2000), o p.cit., h. 19.

<sup>22</sup> Latihan ini merupakan prasyarat bagi kakitangan kerajaan yang berhasrat mengikuti Skim Latihan dan Galakan bagi Kakitangan Kerajaan Mencebur Diri Sepenuh Masa Dalam Perniagaan (Kumpulan Sokongan). Lihat *ibid.*, h. 20.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 24.

(PBUN) diwujudkan dengan tujuan menyediakan kemudahan setempat kepada usahawan dan bakal usahawan untuk memperolehi maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan bimbingan, bahan rujukan, capaian kepada internet, tempat perbincangan mahupun seminar.

Komitmen dan kesungguhan KPUn menganjurkan pelbagai program keusahawanan merupakan satu langkah bijak yang patut diberi pujian, lantaran ia mampu berfungsi untuk membuka minda para peniaga kecil dan sederhana dan juga tokoh korporat ke arah menyemarakkan perkembangan *k-economy*<sup>24</sup> yang merupakan matlamat jangka panjang program-program tersebut. Namun, modus operandi, kandungan program dan skop pelaksanaannya perlu sentiasa disemak bagi memastikan ia lebih menyeluruh dan relevan dengan tuntutan semasa. Di samping itu, pengisian berbentuk penerapan nilai-nilai keusahawanan Islam perlu turut dimuatkan dalam program-program berkenaan bagi menjamin kemajuan ekonomi yang seimbang dengan pembangunan kualiti kehidupan masyarakat keseluruhannya.

- *Peranan Media Massa*

Media massa turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat. Media massa elektronik perlu mengadakan slot khusus bagi memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang perniagaan. Rancangan-rancangan berbentuk *talk show*, rencana, dokumentasi dan berita mengenai kejayaan usahawan-usahawan di Malaysia dalam pelbagai bidang perniagaan perlu diketengahkan dan diperbanyakkan di semua stesen radio dan juga televisyen.

Media cetak seperti suratkhabar dan majalah pula perlu memperuntukkan segmen khas untuk keusahawanan Islam. Pendekatan yang dilakukan oleh majalah *Dewan Ekonomi* dengan mengkhususkan satu ruangan bagi membincangkan contoh usahawan yang berjaya, tips-tips untuk menjadi usahawan berjaya, jaringan maklumat usahawan serta kursus/latihan kemahiran dan teknologi yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu merupakan langkah bijak yang harus dipuji. Paparan sebegini akan dapat menarik minat masyarakat untuk menceburι bidang keusahawanan.

- *Peranan Ibu Bapa*

Peranan ibu bapa cukup signifikan dalam memupuk budaya keusahawanan dalam diri anak-anak mereka kerana pendidikan bermula di rumah. Inspirasi dan paradigma anak-anak perlu diubah agar tidak terlalu memfokus kepada kerjaya

---

<sup>24</sup> *K-Economy* merupakan ekonomi yang berdasarkan pada idea baru dan reka cipta.

‘makan gaji’ sebagai satu-satunya cita-cita untuk anak-anak mereka. Tanggapan sesetengah ibu bapa bahawa hanya kerja ‘makan gaji’ sahaja boleh membawa kesenangan dan kebahagiaan kepada anak-anak mereka juga perlu dikikis. Memang tidak salah bagi ibu bapa menggalakkan anak-anak mereka bercita-cita untuk menjadi doktor, guru, jurutera, peguam dan lain-lain kerja makan gaji yang membolehkan mereka berkhidmat kepada masyarakat. Namun pada masa yang sama, ibu bapa turut perlu menggalakkan mereka untuk menceburi bidang perniagaan yang juga dapat menyumbang kepada peningkatan kemajuan ekonomi masyarakat.

Masyarakat Cina telah membuktikan bahawa mereka mampu hidup senang dan selesa dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Budaya berniaga telah sebat dengan mereka sejak generasi sebelum merdeka lagi. Pendek kata, faktor-faktor seperti budaya dan persekitaran hidup telah membantu mereka mendominasi bidang-bidang ekonomi negara dan mencapai taraf ekonomi yang cukup selesa di negara ini berbanding penduduk pribumi.

## IMPLIKASI PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN TERHADAP PEMBANGUNAN UMMAH

- *Mewujudkan job creator*

Perkembangan ekonomi negara dalam abad ini menyaksikan peranan usahawan yang lebih menyerlah sebagai penggerak utama pembangunan negara. Berdasarkan rekod Kementerian Sumber Manusia, sehingga Januari 2002, sejumlah 37,772 pencari kerja secara aktif telah mendaftar dengan kementerian tersebut dan sejumlah 11,094 jawatan kosong telah dilaporkan. Statistik ini menunjukkan pasaran buruh semasa tidak berapa cergas di mana jumlah pencari kerja yang mendaftar melebihi jumlah kekosongan jawatan yang ditawarkan. Tambahan pula, sehingga Januari 2002, penempatan pencari kerja masih rendah iaitu hanya 1,465 orang sahaja.<sup>25</sup> Kelembapan menempatkan pencari kerja ke jawatan-jawatan kosong adalah disebabkan oleh faktor *mismatch*, sikap majikan atau pekerja itu sendiri.

Senario ini memperlihatkan bahawa pencari kerja tidak boleh hanya bergantung kepada kekosongan jawatan semata-mata. Sebaliknya, mereka perlu mencipta kerja dan karier bagi diri mereka sendiri. Oleh sebab itu, pembudayaan keusahawanan Islam di kalangan masyarakat amat penting. Penjanaan program dan inisiatif bersepadu dari semua pihak mampu menarik minat dan meningkatkan keyakinan individu untuk

<sup>25</sup> Kementerian Sumber Manusia, <http://www.jaring.my/ksm/bmver/report.htm>, 4 Mei 2002.

menceburi bidang perniagaan. Pendedahan lebih awal mengenai dunia perniagaan akan dapat membantu mereka mencipta kerjaya sendiri tanpa mengharapkan jawatan yang ditawarkan oleh sektor kerajaan dan swasta semata-mata, di samping mampu melahirkan individu yang berpotensi, berkaliber dan berkebolehan dalam pembangunan negara keseluruhannya.

- *Penghayatan nilai-nilai murni keusahawanan Islam*

Penerapan budaya keusahawanan Islam bukanlah semata-mata bermatlamat untuk melahirkan usahawan, tetapi apa yang lebih utama adalah memupuk nilai-nilai murni dan ciri-ciri usahawan dalam diri individu. Ini kerana usahawan yang sebenar tidak akan wujud tanpa adanya nilai-nilai murni dan ciri-ciri usahawan. Bagi individu yang tidak menjadi usahawan, mereka masih boleh mempraktikkan ciri-ciri tersebut di dalam organisasi masing-masing apabila mereka bekerja kelak. Ia diistilahkan sebagai *intrapreneurship*.<sup>26</sup>

Program-program penerapan budaya keusahawanan Islam yang dijalankan oleh pelbagai pihak didapati mampu melahirkan individu yang berani mencuba, jelas dari segi matlamat, kreatif, inovatif, cekal, yakin diri, bertanggungjawab, berketrampilan, berwibawa dan lain-lain lagi.<sup>27</sup> Nilai-nilai murni ini yang juga merupakan antara ciri keperibadian Rasulullah s. ‘a.w amat perlu dibudayakan ke arah pembentukan individu bermoral, masyarakat berakhlik dan umat Islam yang dapat menguasai semua bidang yang diceburinya.

- *Pembangunan negara yang mampan*

Sebagaimana yang diketahui, perniagaan bukan sahaja diperlukan oleh individu di dalam sesebuah masyarakat, malah diperlukan oleh seluruh masyarakat dan negara. Buktinya, tidak ada negara yang dapat menyempurnakan keperluan rakyatnya tanpa melakukan kerjasama dan bantuan negara lain. Apabila sesebuah negara gagal memenuhi keperluan rakyatnya, ia perlu mengimport barang tersebut dari negara lain. Sehingga kini, tidak terdapat negara di dunia yang tidak perlu menjalankan kegiatan perdagangan atau mengimport barang dari negara lain. Tambahan pula,

---

<sup>26</sup> *Intrapreneurship* atau keusahawanan dalaman merujuk kepada budaya keusahawanan yang wujud di dalam organisasi korporat bagi membolehkannya terus inovatif dan efektif untuk berhadapan dengan cabaran dan peluang semasa. Lihat Donald F. Kuratko *et.al* (2001), *Entrepreneurship: A Contemporary Approach*, edisi 5. USA: Harcourt College, h. 69.

<sup>27</sup> Abdul Aziz Yusof (2000), *op.cit*, h. 55-59.

ketinggian sesebuah tamadun dan kemajuan sesuatu negara itu diukur dari kemajuan perdagangan dan perniagaannya.<sup>28</sup>

Implikasi dari pembudayaan keusahawanan Islam akan melahirkan lebih ramai usahawan yang terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan dan perdagangan. Apabila perniagaan dan perdagangan meningkat, maka negara tersebut akan mencapai kemajuan yang tinggi dan muncul sebagai negara yang kuat dan berupaya memberi kemakmuran kepada rakyatnya.

- *Pengagihan semula kekayaan*

Pembudayaan keusahawanan Islam akan menyebabkan lebih ramai usahawan Islam terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan. Perniagaan yang diceburi oleh mereka akan berkembang maju dari tahun ke tahun. Fenomena ini akan berterusan sehingga ke satu tahap yang mewajibkan mereka mengeluarkan zakat ke atas harta perniagaan mereka. Zakat tidak hanya dilihat sebagai satu ibadat semata-mata, tetapi mempunyai objektif ekonomi yang jelas iaitu memantapkan urusan ekonomi kebajikan dalam masyarakat.<sup>29</sup>

Zakat perniagaan dikenakan ke atas perniagaan yang sudah mencukupi jumlah nisab iaitu RM2,500 hingga RM3,000 dan sempurna *haulnya* iaitu satu tahun.<sup>30</sup> Objektif dikenakan zakat adalah meliputi aspek kerohanian, kebendaan, individu serta masyarakat dan sekaligus dilihat sebagai sumber kewangan negara yang bertujuan khusus untuk membantu mereka yang lemah dan memerlukan. Zakat juga dapat mempertingkatkan nilai hidup pelbagai pihak termasuklah pemberi, penerima serta masyarakat umum. Zakat yang diberikan kepada golongan fakir dan miskin bukan sahaja boleh membantu memperlengkapkan keperluan hidupnya secara peribadi, malah bantuan yang diberikan itu turut boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti yang berfaedah atau membuka perniagaan sendiri. Manakala si pemberi zakat dapat membersih dan menyuburkan harta perniagaan mereka. Pendek kata, dengan adanya pengagihan semula kekayaan ini, agihan yang lebih saksama dapat dilaksanakan.

---

<sup>28</sup> Mustafa Haji Daud (1995), *op.cit*, h. 7.

<sup>29</sup> Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid (1998), "Zakat Gaji: Kewajipan dan Implikasi Ekonomi", dalam *Dewan Ekonomi*, Ogos 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 55.

<sup>30</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM, h. 23.

- *Penyebaran dakwah Islamiah*

Dalam konteks pengembangan dan penyebaran dakwah Islamiah, perdagangan merupakan medium penting untuk menyebarluaskan ajaran Islam di seluruh dunia. Islam dapat disebarluaskan dengan jayanya di tempat wujudnya aktiviti perdagangan sepetimana kedatangan Islam ke Asia dan Afrika.<sup>31</sup> Ini bertepatan dengan pendapat Ibn Khaldun dan kajian sejarah Roger Garaudy iaitu seorang sarjana Perancis yang memeluk Islam di mana beliau mendapati bahawa Islam telah masuk ke negara Asia dan Afrika melalui para peniaga yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Para peniaga ini bukan sahaja membawa barang dagangan, tetapi juga agama dan kebudayaan Islam.<sup>32</sup>

Kebudayaan sesuatu bangsa atau masyarakat turut berkembang di mana manusia dari pelbagai keturunan bertemu, berkumpul, berkenalan dan berniaga seperti di pekan-pekan, pasar-pasar dan sebagainya. Hasil dari pertembungan ini lahirlah bermacam-macam idea dan tingkah laku yang menjadi cara hidup atau kebudayaan.<sup>33</sup> Kegiatan perniagaan yang diselang-seli dengan persembahan dan aktiviti kebudayaan, intelektual dan kesenian membolehkan sesuatu kebudayaan itu semakin mantap dan matang dengan adanya tokokan idea dan unsur-unsur baru dari kebudayaan lain.<sup>34</sup> Sehubungan itu, pembudayaan keusahawanan Islam diharap dapat mewujudkan golongan usahawan Islam yang mampu berperanan sebagai delegasi (*da'i*) dalam meneruskan misi suci ini.

## PENUTUP

Dari huraian di atas, jelas memperlihatkan peranan keusahawanan sebagai faktor asas bagi mewujudkan ekonomi yang terus mampan. Usahawan sebagai *job creator* berperanan secara langsung dalam menentukan *survival* sesuatu bangsa dan komuniti. Oleh itu, untuk memastikan bahawa bangsa atau umat itu terus maju setanding dengan bangsa lain, bilangan usahawan ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Meskipun Rasulullah s.'a.w merupakan usahawan unggul yang menjadi model sepanjang zaman, tidak ramai umat Islam yang benar-benar menjiwai semangat dan budaya ini. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika umat Islam di

<sup>31</sup> Mustafa Haji Daud (1995), *op.cit.*, h. 8.

<sup>32</sup> Sobri Salamon (1992), *op.cit.*, h. 20.

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Mustafa Haji Daud (1995), *op.cit.*, h. 8.

Malaysia khususnya orang Melayu, jauh ketinggalan lebih-lebih lagi dalam bidang ekonomi, di samping bidang-bidang strategik yang lain.

Bertitik tolak dari kesedaran mengenai betapa pentingnya bidang keusahawanan ini, umat Islam harus bangkit memperbetulkan keadaan agar mampu bergerak seiring dengan bangsa-bangsa lain. Pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, media massa, institusi kekeluargaan dan umat Islam itu sendiri harus berganding bahu menjayakan pembudayaan keusahawanan. Dengan demikian, umat Islam diharap tidak lagi dianggap seperti “melukut di tepi gantang” mahupun seperti “ayam yang mati kebuluran di dalam kepuk yang dipenuhi padi.”